

**ralat & rareal**Bersama  
**DR. AHMAD ISMAIL**

Siri 44

# Tapir luka, mati, pupus

**C**ERITA tentang tapir mati akibat kemalangan jalan raya, terjatuh dalam paya atau terjatuh dalam longkang telah banyak dilaporkan dalam media massa dan menarik perhatian orang ramai.

Berdasarkan rekod Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan), terdapat 61 jaringan jalan raya dan lebuh raya yang pernah dicatatkan berlakunya kes langgar haiwan.

Lima laluan telah dikenal pasti sebagai kerap berlaku kemalangan melibatkan haiwan iaitu Jalan Kuala Lipis-Gua Musang, Jalan Kulai-Kota Tinggi, Jalan Gua Musang-Kuala Krai; Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) dan Jalan Taiping-Selama.

Sebanyak 133 titik panas juga telah dikenal pasti. Laluan-laluan yang dikenal pasti ini merupakan jalan raya yang merentasi hutan penting habitat hidupan liar. Antara contoh kes kemalangan tapir di jalan raya adalah di Kilometer (Km) 25 jalan Kuantan Gambang, Km 20 Jalan Seremban-Kuala Pilah dekat Ulu Bendul, jalan raya Jeli-Dabong di kawasan Hutan Simpan Kekal

**PUSAT Konservasi Tapir di Sungai Dusun, Kuala Kubu Bharu, Selangor.**



Soko Taku Jeli, Kelantan dan di Jalan Pintasan Kuantan-Gebeng. Beberapa laluan seperti Jalan Kuantan-Pekan dengan Kampung Lamir serta Jalan Nenas-Rompin Batu 16 juga dikesan menjadi kawasan lintasan tapir. Pemantauan berterusan perlu dilakukan di kawasan-kawasan sensitif ini.

Kawasan hutan simpan yang terpencil seperti Hutan Simpan Bukit Cerakah adalah antara habitat penting tapir. Apabila pembangunan pesat berlaku di sekitarnya, ia menyebabkan hutan menjadi kecil dan mengancam populasi tapir.

Dalam tempoh 2005 hingga 2013 sahaja, empat tapir Malaya dilaporkan mati akibat dilanggar oleh kenderaan di sekitar Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) di samping dua tapir dikesan mati akibat tua.

Tapir yang mati adalah yang

betina dan jantan dewasa dan ada juga yang masih muda. Kalau dilihat kepada bilangan tapir yang ada di Semenanjung Tanah Melayu, keadaan hutan yang semakin mengecil, kepulauan hutan, dan pembangunan yang berterusan menghampiri hutan dan merentasi hutan, populasi tapir akan terus terancam.

Riwayat hidup tapir, aktiviti harian dan kawasan keliraran mereka, tempoh matang dan kebolehan beradaptasi dengan habitat manusia memerlukan kajian yang terperinci untuk pemuliharaan.

Kekurangan maklumat biologi dan ekologi tapir serta kadar kematian yang meningkat membuatkan tapir tergolong dalam kumpulan spesies yang mengarah kepada kepupusan.

Bilangan tapir di Semenanjung Tanah Melayu tidaklah banyak dan tambahan lagi ancaman yang berterusan oleh kekurangan habitat, mati dilanggar kenderaan, perburuan haram, ancaman penyakit dan kadar pembiakan yang perlahan menjadikan populasi tapir terus terancam. Sekiranya kita ingin memulihara tapir di Semenanjung Tanah Melayu perhatian serius perlu diberikan segera. Dengan adanya gerakan untuk mengaktifkan semula populasi tapir di Borneo, kajian tentang tapir mestilah dilakukan segera. Tabung penyelidikan tapir

Persatuan Pecinta Alam Malaysia (MNS) mestilah diaktifkan dan sumbangan pihak korporat dialu-alukan.

Tabung ini nanti boleh menaja penyelidikan dan program pendidikan tentang tapir.

Tapir pernah direkodkan wujud di Borneo berdasarkan fosil yang dijumpai.

Sekiranya benar tapir pernah wujud di Borneo, mungkin faktor cuaca, perubahan landskap tumbuhan terutama habitat dan makanan, perubahan kualiti tanah dan pemburuan mempengaruhi kepupusan tapir di Borneo. Sifat tapir, biologi dan ekologinya memungkinkan kepupusan boleh berlaku.

Antara perkara penting yang boleh dilakukan bagi melindungi tapir ialah memantau tempat-tempat yang dikenal pasti adanya tapir dan kawasan yang mungkin mengancam tapir.

Tindakan seperti kawasan berkenaan dipagar, membina laluan khas untuk haiwan melintas atau memberikan pendidikan kepada orang ramai misalnya boleh dilakukan.

Lebih banyak papan tanda isyarat yang sesuai untuk menarik perhatian orang ramai agar berhati-hati di kawasan keliraran tapir juga boleh diadakan. Kerana haiwan ini aktif pada waktu malam, maka tanda isyarat khas dan sesuai boleh disediakan. Sewajarnya peruntukan kewangan yang besar perlu disediakan sekiranya kita ingin memulihara tapir dan haiwan liar lain.

Sebab itulah, perancangan dan kajian yang teliti perlu dilakukan

**PEGAWAI** Jabatan Perhilitan Selangor dan orang ramai melihat tapir yang ditemui mati dilanggar di Jalan Batu Arang berdekatan Bukit Cerakah.



sebelum sesuatu pembangunan

hendak dilakukan. Pembangunan kawasan pertanian, perusahaan, perumahan dan jaringan jalan raya termasuk laluan kereta api laju yang dicadangkan berhampiran atau merentasi hutan simpan mestilah merujuk kepada pakar bidang berkaitan.

Mungkin semua agensi berkaitan hutan, hidupan liar dan jalan raya, termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), perlu bekerjasama bagi menyelaraskan peraturan dan undang-undang untuk memantapkan lagi program pemuliharaan tapir.

Walaupun Perhilitan khususnya telah mengambil tindakan proaktif di sesetengah tempat, namun menerusi kajian terperinci, kerjasama masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tindakan yang lebih baik boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kemalangan hidupan liar termasuklah tapir.

Antara tindakan yang telah diambil oleh Perhilitan ialah memasang kemudahan di lokasi lintasan hidupan liar di kawasan Central Forest Spine (CFS) selain membina viaduct bagi tujuan lintasan hidupan liar.

**Kekurangan maklumat biologi dan ekologi tapir serta kadar kematian yang meningkat membuatkan tapir tergolong dalam kumpulan spesies yang mengarah kepada kepupusan."**

**TAPIR** yang mati akibat dilanggar.

## Masyarakat perlu lindungi tapir

**B**ARU-BARU ini media membincangkan kisah tapir mati di Batu 14 Hulu Langat, Selangor yang mencetuskan banyak kontroversi. Masyarakat dan agensi terlibat nampaknya seperti mempunyai kesedaran yang tinggi ingin menyelamatkan tapir. Namun yang demikian mungkin kaedahnya salah menyebabkan tapir berkenaan tidak dapat diselamatkan.

Oleh kerana tapir merupakan haiwan yang sensitif dari segi pemuliharaannya di dunia, maka ia telah mendapat perhatian media antarabangsa. Tapir Malaya (*Tapirus indicus*) adalah yang paling besar antara empat spesies tapir di dunia, dan hanya terdapat di Asia Tenggara iaitu di utara Myanmar, Thailand, Sumatera (Indonesia) dan Semenanjung Tanah Melayu.

Koresponden Channel News Asia (CNA) di Malaysia misalnya, telah mengesyaki tapir itu mati berpunca daripada "tangan manusia". Tafsiran pelbagai

boleh dibuat tentang kes ini.

Namun bagi pihak yang memulihara tapir mungkin mempunyai jawapan berbeza dan suatu tindakan perlu dilakukan agar perkara serupa tidak berulang. Kes yang berlaku di Hulu Langat sangat menarik perhatian pencinta alam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat bukan sahaja kaedah menyelamatkan yang dikatakan tidak baik malah ditinggalkan sehinggalah ada bahagian badan tapir pada kulit, telinga, kaki kanan hadapan dan belalainya diambil orang.

Kaedah yang digunakan seolah-olah tapir mengancam keselamatan manusia. Sepatutnya, perkara ini tidak berlaku jika orang ramai faham tindakan yang perlu diambil berkaitan hidupan liar.

Kejadian tapir masuk ke kawasan perumahan dan ladang sudah pernah dilaporkan media massa. Program pendidikan boleh difokuskan di kawasan-kawasan yang sensitif.

Penglibatan semua pihak diperlukan misalnya pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Jabatan Pendidikan, Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Pertanian, Perhilitan, swasta dan lain-lain. Agensi seperti Perhilitan mesti dihubungi sekiranya orang ramai mendapati kemalangan melibatkan hidupan liar.

Semua agensi yang selalu membantu Jabatan Perhilitan dan selalu dirujuk oleh masyarakat mestilah sentiasa dilatih tentang teknik menyelamatkan hidupan liar serta mempunyai kelengkapan berkaitan. Tambahan lagi, dalam musim hujan dan banjir ini, hidupan liar seperti tapir boleh terperangkap dan masuk ke kawasan penempatan

Bilangan tapir yang direkodkan di Semenanjung Malaysia ketika ini antara 1,200 hingga 1,500 ekor.

Sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2015 sekurang-kurangnya 35 ekor tapir dilaporkan mati akibat dilanggar kenderaan.

### INFO

Tapir tidak tergolong sebagai haiwan yang diburu secara haram namun sudah dikelaskan sebagai spesies yang dilindungi sepenuhnya dalam Jadual Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

manusia. Program pendidikan dan kesedaran masyarakat perlu diadakan segera dengan modul yang sistematik dan efektif.

Penubuhan Pusat Konservasi Tapir dan Rizab Hidupan Liar Sungai Dusun di Ulu Bernam,

Selangor pada 2004 merupakan satu langkah kerajaan dalam memastikan populasi tapir stabil dan tidak diancam kepupusan.

Di Sungai Dusun antara tahun 2004 hingga 2015, sebanyak 12 ekor anak tapir telah dilahirkan

dan tujuh ekor telah dilepaskan ke hutan. Namun begitu selain daripada pusat konservasi, pembangunan kepakaran dan peningkatan pengurusan pemuliharaan tapir perlu segera ditambah baik.

**REPLIKA** tapir dihipunkan semasa kempen kesedaran tapir Malaya yang diadakan sebelum ini.


## Ancaman perburuan haram

**A**KTIVITI perburuan haram terus menjadi ancaman terbesar kepada pemuliharaan hidupan liar di Sabah, menurut seorang pakar yang menegaskan bahawa kunci utama untuk menangani masalah ini ialah memperkukuh penguatkuasaan di sekitar zon penamparan.

"Sekiranya aktiviti perburuan haram ini tidak dihentikan, populasi spesies hidupan liar yang dilindungi dan terancam di negeri ini akan menyusut dalam masa singkat," kata Ketua Eksekutif Sabah Environmental Trust, **DR. Rahimatsah Amat**.

Beliau merupakan antara 100 peserta yang mengambil bahagian dalam ekspedisi 10 hari di Batu Timbang, sebuah kawasan di barat daya Kawasan Pemuliharaan Kanyon Imbak (ICCA) di tengah Sabah, baru-baru ini.

Ekspedisi itu dibiayai Petronas bawahi Kerjasama



**DR. RAHIMATSAH AMAT**

Kawasan Pemuliharaan Kanyon Imbak Yayasan Sabah-Petronas.

Rahimatsah berkata, penting untuk meningkatkan kehadiran pegawai penguatkuasaan di sepanjang zon penamparan dan mengurangkan cubaan oleh pemburu haram untuk mencerooboh teras kawasan pemuliharaan itu.

"Sekiranya kita boleh

melakukannya, kita akan dapat meminimumkan kemasukan (pemburu haram) ke kawasan pemuliharaan," katanya.

Isu berkenaan merupakan antara yang diperhati semasa ekspedisi itu di kawasan strategik antara kawasan teras ICCA, dan hutan tebal bersebelahannya, serta gua batu kapur di Hutan Simpan Batu Timbang.

Kerja-kerja lapangan mengesahkan berdasarkan pengawasan dan pemantauan awal oleh kakitangan ICCA bahawa kawasan Batu Timbang menjadi *hot spot* bagi pemburu haram.

Rahimatsah berkata, kehadiran hidupan liar yang sedikit di kawasan teras itu mungkin disebabkan kegiatan perburuan haram yang berleluasa. Terdapat juga kesan grafiti pada pokok-pokok, tambahannya.

"Ancaman terbesar buat ICCA, atau semua kawasan

pemuliharaan di Sabah seperti Lembangan Maliau dan Lembah Danum, adalah aktiviti perburuan haram," katanya.

Sepanjang ekspedisi tersebut, wartawan berpeluang menyaksikan kerja-kerja dilakukan oleh saintis dan penyelidik ketika melintasi hutan dan berhadapan dengan cuaca buruk.

Ekspedisi saintifik 2017 itu bertujuan mendapatkan maklumat saintifik khususnya berkaitan biodiversiti, ciri-ciri fizikal, cabaran dan ancaman di kawasan itu.

Batu Timbang adalah satu daripada beberapa lokasi di ICCA yang diperuntuk untuk penubuhan stesen penyelidikan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pengurusan Strategik ICCA 2014-2023.

Ini akan membolehkan pengurusan cekap di zon penamparan ICCA yang berkesan serta menilai potensi kerjasama dengan masyarakat sekitar

### Ekspedisi Saintifik di Batu Timbang (ICCA)

● Tarikh bermula 16 Ogos 2017

● Tempoh ekspedisi: 10 hari

● Antara dapatan  
➤ Penemuan tapak kaki tembadau atau banteng (lembu liar) yang dilindungi.  
➤ Lapan spesies tumbuhan hiasan, Begonia, empat daripadanya adalah baharu dalam bidang sains.

● Peserta ekspedisi adalah:  
➤ Jabatan Perhutanan Sabah  
➤ Yayasan Sabah  
➤ Jabatan Hidupan Liar Sabah  
➤ Taman-taman Sabah - Pusat Biodiversiti Sabah  
➤ Muzium Sabah  
➤ Beberapa universiti  
➤ Dana Sedunia Alam Semula Jadi (WWF) Malaysia  
➤ Program Pemuliharaan Orangutan Kinabatangan  
➤ Sabah Environmental Trust  
➤ Seramai 13 wartawan dari pelbagai organisasi  
➤ Wakil Tourism Malaysia

untuk meminimumkan ancaman kepada kawasan teras ICCA.

Satu lagi dimensi zon penamparan, yang kebanyakannya hutan terjejas, adalah untuk mewujudkan hubungan antara kawasan dilindungi dan kawasan lebih

luas yang mengelilinginya.

Petronas dan Yayasan Sabah mengemukakan kerjasama mereka untuk memulihara ICCA pada 2011, yang merangkumi penubuhan Pusat Pembelajaran Kanyon Imbak bernilai RM77 juta yang telahpun siap. - **BERNAMA**